

JURNAL EKONOMI MALAYSIA

MALAYSIAN JOURNAL OF ECONOMICS

Jilid
Volume **46(1)**

ISSN 0126-1962

Jun
June **2012**

Makalah/Article

- Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi Sebagai Alternatif Pengukuran Kemiskinan: Kajian Kes di Daerah Baling, Kedah
Siti Hadijah Che Mat, Roslan A. Hakim & Siti Norliza Jumali 3 – 12
- Revisiting The Impact of Occupational Segregation on the Gender Earnings Gap in Malaysia
Siew Ching Goy & Geraint Johnes 13 – 26
- Predictors of Investment in Risky Assets among Malaysian Families
Husniyah Abdul Rahim, Zuroni Md. Jusoh & M. Fadzilah Abdul Samad (the late) 27 – 37
- Penerimaan Amil dan Asnaf terhadap Penyetempatan Pengagihan Zakat di Malaysia
Hairunnizam Wahid, Radiah Abdul Kader & Sanep Ahmad 39 – 51
- The Pattern and the Impact of Middle Eastern Tourist Spending on Malaysia's Economy
Norlida Hanim Mohd Salleh, Redzuan Othman, Mohd Safar Hasim & Abdul Hamid Jaafar 53 – 63
- Bahagian Pasaran Kereta Nasional Malaysia: Satu Analisis Model Rantai Markov
Ahmad Mohd Yusof & Zaini Mahbar 65 – 72
- Searching for Bequest Motives and Attitudes to Leaving a Bequest Among Malaysian Muslims
Suhaili Alma 'amun 73 – 84
- Mechanisms of Financial Crisis in Growth and Collapse: Hammurabi, Schumpeter, Perez, and Minsky
Erik S. Reinert 85 – 100
- Volatility of Returns and Financial Liberalization: New Evidence
Tamat Sarmidi, Norlida Hanim Mohd Salleh & Siong Hook Law 101 – 106
- Kebarangkalian Bekerja Wanita Berkahwin di Malaysia
Norehan Abdullah, Rahmah Ismail, Zulridah Mohd Noor & Fariza Ahmad 107 – 117
- Foreign Presence and Market Concentration in Malaysian Manufacturing Industries
Radziah Adam & Noor Aini Khalifah 119 – 132
- Kesan Pengklasifikasian Patuh Syariah Terhadap Kemeruapan Pulangan Saham Axis-Reit
Umar Abdul Basar, Sanep Ahmad & Abu Hassan Shaari Mohd Nor 133 – 145
- An Input-Output Analysis of the Total Factor Productivity Growth of the Malaysian Manufacturing Sector, 1983-2005
Noorasiyah Sulaiman 147 – 155

SIDANG EDITOR / EDITORIAL BOARD

Ketua Editor / Editor-in-Chief

MANSOR JUSOH

Editor / Editors

MOHD AZLAN SHAH ZAIDI

SHAHIDA SHAHIMI

NOR AINI HJ IDRIS

ZULKIFLY OSMAN

ABDUL HAMID JAAFAR

ISHAK YUSOFF

Lembaga Penasihat / Advisory Board

ABDUL GHAFAR ISMAIL Universiti Kebangsaan Malaysia

ARMIDA SALSIAH ALISJAHBANA Universitas Padjadjaran

ERIK S. REINERT Tallin University of Technology Norway

HAL HILL Australian National University

MD. KABIRUL HASSAN University of New Orleans

MUZAFAR SHAH HABIBULLAH Universiti Putra Malaysia

RAHMAH ISMAIL Universiti Kebangsaan Malaysia

Editor Kerja / Executive Editor

NORLIDA HANIM MOHD SALLEH

ARIF MOHD SHAM

NADZIRAH YAHYA

**Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia**

Penerimaan Amil dan Asnaf terhadap Penyetempatan Pengagihan Zakat di Malaysia (*The Acceptance of Amil and Zakat Recipient toward Localization of Zakat Distribution in Malaysia*)

Hairunnizam Wahid
Universiti Kebangsaan Malaysia

Radiah Abdul Kader
Universiti Malaya

Sanep Ahmad
Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Penyetempatan (localized) pengurusan zakat adalah proses pemencaran (decentralized) kuasa mengagih dan memungut zakat kepada amil mukim tertentu kepada asnaf di mukim tersebut. Sejauh manakah cadangan ini dapat dilaksanakan oleh institusi zakat adalah bergantung kepada penerimaan amil sebagai pelaksana dan asnaf sebagai penerima akhir perkhidmatan zakat. Kajian ini bertujuan menilai sama ada amil dan asnaf bersetuju menerima langkah penyetempatan pengagihan zakat dan seterusnya menyelidiki apakah alasan penerimaan atau penolakan mereka terhadap langkah tersebut. Kajian menggunakan beberapa ujian termasuklah analisis tinjauan faktor (EFA) dan analisis pengesahan faktor (CFA) dan seterusnya regresi logistik. Kajian mendapati secara umumnya amil dan asnaf menerima langkah penyetempatan pengagihan zakat. Pemboleh ubah penyetempatan pengagihan zakat didapati bergantung secara signifikan kepada tiga pemboleh ubah utama iaitu politik dan perhubungan, asnaf mudah dikenali dan ketelusan; dan kepercayaan terhadap sistem dan institusi. Ini bermakna majoriti responden menerima konsep penyetempatan dan dijangkakan konsep ini akan meningkatkan kecekapan sistem pengagihan zakat. Beberapa cadangan dan implikasi dasar dikemukakan dalam kajian ini.

Kata kunci: CFA; EFA; pemboleh ubah pendam; penyetempatan pengagihan zakat

ABSTRACT

Localization of zakat management is the process of decentralization of collection and distribution authority of the zakat fund by the amil in a certain area to the zakat recipients in the same area. To what extent this proposal could be implemented by the zakat institution is dependent upon the perceptions of amil as the implementer and zakat recipients as the end user in the zakat system. This study aims to examine whether the amil and zakat recipients agree to accept the concept of localization of zakat management and investigate the reasons for their acceptance. This study uses several approaches including exploratory factor analysis (EFA), confirmatory factor analysis (CFA) and logistic regression. The study finds that in general amil and zakat recipients support the proposed localization of zakat management. In addition, localization of zakat distribution is significantly dependents on three main variables namely political and relations, easy identification of recipients and transparency; and trust in the zakat system and institution. This means majority of respondents accept the concept of zakat localization and expect this concept will improve the efficiency of zakat management. Some suggestions and policy implications are discussed in this study.

Keywords: CFA; EFA; latent variable; localization of zakat distribution

PENGENALAN

Zakat merupakan instrumen dasar fiskal yang penting dalam sesebuah negara Islam. Zakat sebenarnya meliputi aspek moral, sosial, ekonomi dan sebagainya. Antara objektifnya ialah memastikan pertumbuhan ekonomi adalah konsisten dengan pengoptimuman penggunaan sumber seperti sumber asli, manusia dan kebendaan dan

memastikan pengagihan yang adil dalam aspek pendapatan dan kekayaan (Sadeq 1988). Dalam aspek ekonomi, zakat sebenarnya menghalang pengumpulan kekayaan di dalam tangan golongan tertentu atau kumpulan tertentu. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud,

Janganlah harta hanya beredar di kalangan orang-orang kaya sahaja

(Al-Quran 59:7).

Ia dapat dilaksanakan dengan menetapkan sejumlah sumbangan harta yang diwajibkan disalurkan kepada pihak kerajaan (*state*) (Mannan 1986). Tambahan lagi menurut Chapra (1992), zakat dikenal pasti sebagai bantuan daripada masyarakat Islam kepada golongan fakir dan miskin untuk membasmi kesengsaraan dan kemiskinan. Dalam aspek sosial, institusi zakat dikenal pasti sebagai pelengkap kepada jaminan sosial kepada komuniti Islam yang akhirnya akan mewujudkan pertumbuhan ekonomi yang seimbang antara kehidupan di dunia dan akhirat (Sirageldin 2000).

Jika dilihat daripada sejarah pada zaman Rasulullah s.a.w, kutipan dan pengagihan zakat secara prinsipnya dilaksanakan dalam lokaliti yang sama, iaitu zakat dikutip dan diagihkan juga di kawasan yang sama. Menurut Kahf (1999), tiada fakta atau laporan menunjukkan lebih dana atau zakat diagihkan ke kawasan yang lain ketika zaman Rasulullah s.a.w. Pada zaman tersebut, Rasulullah s.a.w sebagai ketua negara di Madinah yang pada ketika itu merupakan satu kerajaan yang kecil telah menggunakan khidmat amil untuk mengutip dan mengagihkan zakat. Malah pada ketika itu, terdapat ramai tenaga manusia bersifat sukarela berkhidmat dan sumbangan kewangan oleh masyarakat adalah sangat baik kerana masyarakat Islam pada ketika itu sangat tinggi kepercayaan dan keimanannya. Ini menjadikan sistem zakat pada zaman tersebut sangat berjaya dan berkesan (Kahf 1999).

Adakah konsep penyetempatan boleh dilakukan dan perlu dilaksanakan pada masa kini untuk penambahbaikan lagi sistem pengagihan zakat? Muhammad Syukri (2006) telah mengemukakan satu cadangan teoretis penyetempatan zakat untuk dilaksanakan di Malaysia. Ini berikutan kewujudan masalah yang dikatakan *belum selesai* dalam institusi zakat berkenaan urusan mengagihkan zakat. Hujah beliau adalah berdasarkan fenomena jumlah lebih zakat yang tidak diagihkan setiap tahun oleh kebanyakan negeri di Malaysia (Muhammad Syukri, 2006; dan Hairunnizam et al. 2010). Menurut Muhammad Syukri (2006), kewujudan fenomena ini antaranya adalah wujudnya jurang perhubungan antara pusat pengurusan zakat dengan asnaf. Pihak pengurusan zakat dikatakan tidak dapat mengenal pasti asnaf secara tepat terutamanya fakir dan miskin. Ini adalah kerana terlalu luasnya kawasan yang dipertanggungjawabkan kepada sesuatu pusat pengurusan zakat. Semakin besar kawasan dipertanggungjawabkan, semakin luaslah jurang perhubungan antara pusat pengurusan zakat dengan pembayar zakat. Fenomena ini menjadi semakin bermasalah sekiranya pengurusan zakat sendiri diurus secara berpusat (*centralized*) di peringkat negeri. (Muhammad Syukri 2006). Menurut Muhammad Syukri (2006) lagi, cadangan terhadap kaedah penyetempatan zakat ini boleh dilandaskan kepada hujah dan nas-nas yang telah dikemukakan oleh Qardawi (1996) di mana menurutnya para penguasa perlu membahagikan zakat ke daerah mana zakat itu dipungut, khususnya bagi zakat ternakan, tanam-tanaman dan buah-buahan. Menurut

beliau lagi, para ulama juga bersetakat bahawa zakat fitrah juga mesti dibahagikan di tempat orang yang wajib mengeluarkan zakat fitrah itu berada.

Menurut Muhammad Syukri (2006), penyelesaian kepada masalah ini ialah dengan mengecilkan kawasan tanggungjawab dan mengendurkan pemusatan tersebut serta dinyahpusatkan dikenali sebagai kaedah penyetempatan zakat. Kaedah ini melibatkan proses pemencaran kuasa di mana pusat pengurusan zakat perlu mengagihkan kuasa memungut dan mengagih zakat kepada kakitangan di lokaliti tempatan seperti daerah, mukim, kariah atau kampung. Kaedah ini dijangka akan meningkatkan keberkesanan proses pengurusan zakat di lokaliti tersebut. Isu penyetempatan sebenarnya telah banyak dibincangkan dalam aspek federalisma fiskal, di mana ia dikenali sebagai proses pemencaran kuasa pengagihan cukai kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Banyak pengkaji bersetuju, proses pemencaran pengagihan ini akan meningkatkan kecekapan dan keefisienan dalam pengagihan cukai kepada pembayar cukai di lokaliti tertentu dan penduduk penempatan tertentu yang akhirnya menawarkan barangan dan perkhidmatan tertentu (Tiebout 1956; Oates 1972; Breton 2002; Larson 2002; Henandez-Trillo & Jarillo-Rabling 2008). Terdapat juga kajian mengkaji keberkesanan proses pemencaran kepada kumpulan miskin (Alderman 2002; Faguet 2004; Ajwad & Wodon 2007). Ramai pengkaji juga telah mengutarakan kelebihan proses pemencaran fiskal seperti pegawai yang lebih dipercayai, akauntabiliti dan ketelusan (Braun & Grote 2002; Tugrul & Shah 2002; Crook 2003), mengujudkan hubungan yang rapat antara pegawai dan penduduk tempatan serta mudah menyuarakan pandangan dan meningkatkan penyertaan penduduk (Abdul Aziz 1993; Atlas et al. 2003; Shah & Thompson 2004; Muhammad Syukri 2006; dan Sharma 2009), bertanggungjawab dan respons yang segera terhadap keperluan penduduk setempat (Oates 1972; Kahf 1995a; Faguet 2004), serta mengurangkan ketidakseimbangan pertumbuhan ekonomi antara kawasan dan wilayah (Crook & Manor 2000; Abdul Aziz 1993; Hankla 2008).

Walaupun terdapat banyak kajian telah membincangkan kelebihan pemencaran dan penyetempatan fiskal, namun tiada satu pun kajian terutamanya yang berkenaan dengan zakat yang secara langsung menilai sama ada langkah ini dipersetujui atau tidak oleh pihak berkepentingan khususnya amil dan asnaf sebagai pihak pelaksana (amil) dan penerima perkhidmatan (penerima zakat). Penerimaan kedua-dua pihak ini penting dalam mencapai objektif kecekapan dalam proses kutipan dan agihan zakat. Sekiranya semua pihak menerima dan bekerjasama maka maksud penyetempatan akan tercapai dan begitulah sebaliknya. Oleh itu sebelum langkah ini dilaksanakan amat perlu dilakukan satu kajian bagi menilai bagaimana penerimaan pihak berkepentingan tersebut. Sehubungan dengan itu kajian ini bertujuan menilai cadangan teori yang

dikemukakan oleh Muhammad Syukri (2006) sama ada amil dan asnaf bersetuju menerima langkah penyetempatan pengagihan zakat bagi melihat kemungkinan kejayaan usaha penyetempatan dan seterusnya menyelidiki apakah faktor terpenting menentukan penerimaan atau penolakan mereka terhadap langkah tersebut. Apabila diketahui alasan penerimaan atau penolakan mereka maka alasan akan dapat digunakan dalam usaha menambah baik kadar penerimaan golongan berkepentingan tersebut terhadap langkah penyetempatan pengagihan zakat. Kajian ini adalah penting dalam konteks menilai persetujuan pihak berkepentingan yang akan dijadikan asas sama ada langkah menyetempatan patut dilaksanakan atau sebaliknya kerana kedua-dua pihak ini adalah agen penting dan tunjang dalam sistem pengagihan zakat. Lebih penting lagi persetujuan kedua-dua agen ini dijangkakan dapat memastikan cadangan pelaksanaan penyetempatan pengagihan zakat akan memberi kesan jangka panjang dan berterusan kepada institusi zakat sekiranya konsep ini dilaksanakan (Williamson 2000).

KAJIAN LEPAS

Kajian zakat sebelum ini banyak menumpukan kepada aspek kutipan zakat iaitu apakah kaedah dan strategi meningkatkan kutipan zakat. Antara cadangan yang telah dicadangkan ialah meningkatkan kesedaran membayar zakat di kalangan masyarakat termasuklah kumpulan pekerja profesional (Mohd Ali et al. 2004), meningkatkan kesedaran membayar zakat ke atas harta (Hairunnizam et al. 2005), meningkatkan prestasi kutipan zakat oleh institusi zakat melalui proses pengkorporatan institusi (Nor Ghani et al. 2001; Sanep dan Hairunnizam 2005a; Sanep et al. 2006), kesedaran masyarakat terhadap pembayaran harta yang *diikhhtilaf* (Sanep dan Hairunnizam 2005b; Sanep dan Hairunnizam 2005c) dan juga meningkatkan kutipan zakat melalui zakat pendapatan dan skim potongan gaji kakitangan (Hairunnizam et al. 2007). Kajian-kajian tersebut antaranya bertujuan meningkatkan kesedaran membayar zakat yang akhirnya akan menyebabkan jumlah kutipan zakat terus meningkat dari tahun ke tahun dan peningkatan jumlah ini akan meningkatkan lagi jumlah pengagihan zakat kepada asnaf zakat. Jika jumlah kutipan meningkat, amaun zakat yang diagihkan kepada fakir miskin akan meningkat dan ini akhirnya akan memberi kesan positif kepada asnaf zakat dalam aspek ekonomi seperti peningkatan jumlah bantuan dan jenis bantuan zakat, peningkatan jenis dan jumlah bantuan modal kepada asnaf yang memungkinkan mengeluarkan asnaf terutamanya asnaf fakir dan miskin dari belunggu kemiskinan (Chapra 1992) atau sekurang-kurangnya secara relatif dapat meningkatkan kualiti hidup asnaf (Hairunnizam et al. 2004).

Amat membanggakan situasi semasa menunjukkan jumlah kutipan zakat setiap tahun terus meningkat. Jumlah kutipan zakat telah meningkat menggambarkan strategi

kutipan oleh pusat zakat telah menunjukkan satu kejayaan. Oleh itu mungkin dapat disimpulkan bahawa aspek kutipan zakat bukan lagi menjadi masalah utama kepada pusat zakat. Membayar zakat telah menjadi satu budaya murni yang tersemat di kalangan masyarakat Islam. Namun begitu terdapat beberapa kajian semasa yang mendapati permasalahan zakat masa kini adalah melibatkan aspek pengagihan zakat. Kebanyakan masalah pengagihan ini dapat dikesan oleh pembayar zakat yang merupakan antara agen utama dalam sistem zakat. Kajian terhadap pembayar ini menunjukkan mereka masih lagi kurang berpuas hati dalam aspek pengagihan zakat oleh institusi zakat (Mohamed Dahan 1998; Muhammad Syukri 2006; Sanep et al. 2006; Hairunnizam et al. 2009; Hairunnizam et al. 2010) termasuklah pembayar zakat di kalangan kumpulan akademik (Anuar Muhamad 2008).

Kajian-kajian ini mendapati sekiranya institusi zakat tidak memberi perhatian sepenuhnya, ia akan mewujudkan beberapa isu yang lain seperti membayar zakat kepada asnaf secara tidak formal atau secara langsung dan terus kepada asnaf zakat (Aidit 1998; Muhammad Syukri 2006; Sanep et al. 2006; Hairunnizam et al. 2009). Walaupun bagi sesetengah pendapat *fuqaha'* tindakan ini adalah diharuskan, namun ia akan menimbulkan isu yang lain seperti pengagihan zakat hanya tertumpu pada asnaf fakir dan miskin sahaja dan mengabaikan enam lagi asnaf yang lain disebabkan masalah kekurangan maklumat. Ini kerana pembayar zakat tiada maklumat berkenaan asnaf selain asnaf fakir dan miskin. Tambahan lagi pembayaran zakat secara tidak formal akan menyebabkan sistem perekodan jumlah kutipan dan agihan zakat di setiap negeri tidak akan dinyatakan dalam laporan zakat yang berkemungkinan akan menunjukkan jumlah kutipan zakat yang banyak jika diambil kira jumlah pembayaran zakat secara tidak formal.

Bagaimanakah strategi dan cadangan untuk mengatasi masalah ini? Antara cadangan yang perlu dipertimbangkan ialah kaedah penyetempatan zakat untuk mengatasi masalah ini (Abdul Aziz 1993; Kahf 1995a; Muhammad Syukri 2006) kerana kebanyakan kajian telah menunjukkan kaedah ini telah dipraktikkan dengan jayanya pada zaman Rasulullah s.a.w lagi dan semestinya ia mempunyai banyak kelebihan. Kajian ini dapat merumuskan dua aspek utama kelebihan kaedah penyetempatan ini. Pertamanya aspek Islam dan keduanya aspek ekonomi. Kajian Muhammad Syukri (2006) contohnya merupakan satu cadangan berdasarkan aspek Islam seperti yang telah dipraktikkan pada zaman Rasulullah s.a.w. Beliau telah mencadangkan pelaksanaan kaedah penyetempatan zakat dalam aspek kutipan dan pengagihan di lokaliti berkenaan bersandarkan kepada beberapa hujah seperti yang dinyatakan oleh Qardawi (1996). Menurut Muhammad Syukri (2006) lagi, beliau telah merumuskan hujah Qardawi (1996) iaitu semua kaum lebih berhak terhadap sedekahnya, sehingga mereka merasa berkecukupan dengannya. Beliau juga berpendapat orang ditempatkan lebih berhak ke atas zakat kerana untuk

menghormati jiran tetangga, dan kerana dekatnya tempat tinggal mereka dengan tempat tinggal orang-orang kaya. Di samping itu juga sekiranya petugas tidak mengetahui sehingga ia membawa sedekah ke tempat lain, padahal penduduk asal memerlukannya, maka si penguasa harus mengembalikan kepada mereka, seperti yang dilakukan Umar bin Abdul Aziz, dan sebagaimana difatwakan oleh Said bin Jubair.

Dalam aspek ekonomi pula, perkataan penyetempatan dan pemencaran sering digunakan dan ia mempunyai maksud yang sama (Shah & Thompson 2004). Ini adalah kerana penyetempatan bermaksud pemencaran dalam membuat keputusan kepada pentadbiran peringkat tempatan dan boleh dicapai melalui pemencaran politik, pentadbiran dan fiskal (Shah & Thompson 2004). Ini bermaksud dalam konteks kajian ini, proses penyetempatan zakat adalah pemencaran kuasa dalam membuat keputusan pengurusan zakat kepada peringkat tempatan (lokaliti) terutamanya dalam aspek politik, pentadbiran dan fiskal. Sebenarnya melalui proses pemencaran, ia akan mengubah struktur pentadbiran dan akauntabiliti daripada peringkat pusat kepada peringkat tempatan dan melangkaui sempadan geografi untuk memudahkan pihak pentadbiran tempatan berinteraksi dengan masyarakat tempatan (Schneider 2003).

Kelebihan pelaksanaan konsep penyetempatan juga banyak dibincangkan dalam aspek ekonomi terutamanya dalam mempraktikkan tadbir urus yang baik (*good governance*) dalam sesebuah institusi dan banyak kajian menunjukkan konsep penyetempatan mempunyai banyak kelebihan. Pertama pegawai yang terlibat di peringkat tempatan adalah lebih dipercayai berbanding peringkat negeri. Ini kerana pihak pentadbiran lebih dekat dengan masyarakat setempat serta mendengar keluhan dan pandangan mereka. Pegawai tempatan lebih mudah dihubungi, mempunyai hubungan yang rapat serta mudah dilihat oleh masyarakat setempat (Shah & Thompson 2004). Kesannya pegawai tempatan akan bertanggungjawab sepenuhnya tugas masing-masing terutamanya memenuhi keperluan masyarakat tempatan (Oates 1972; Kahf 1995a; Faguet 2004). Ini akhirnya akan meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan dalam pentadbiran (Tugrul & Shah 2002). Konsep penyetempatan juga akan meningkatkan kecekapan dan keefisienan pentadbiran. Ini kerana sumber dan kuasa pentadbiran telah dikecilkan ke peringkat tempatan (Faguet 2000; Hankla 2008). Kesannya dalam aspek pengagihan zakat, pengagihan dapat dilakukan dengan segera tanpa kelewatan masa (Nik Mustapha 1991; Kahf 1995a; Mujaini, 1995) seperti yang telah berlaku di zaman Rasulullah s.a.w.

Tambahan lagi sekiranya amil mendapati di kawasan tersebut, kesemua asnaf telah menerima zakat dan wujud lebih zakat di baitulmal, lebih tersebut sepatutnya diagihkan ke kawasan yang mengalami defisit dalam pengagihan zakat (jumlah pengagihan lebih besar berbanding jumlah kutipan) seperti persetujuan oleh kebanyakan ulama' (lihat Qardawi 1999). Jika lebih zakat

dapat dipindahkan ke kawasan yang mengalami defisit, ia berkemungkinan dapat mengurangkan jurang ketidaksamaan ekonomi dan sosial antara kawasan dan negeri. Kebanyakan kajian bersetuju pemencaran kepada pentadbiran tempatan dapat mengurangkan ketidaksamaan ekonomi dan sosial antara kawasan terutamanya di peringkat tempatan (Crook & Manor 2000; Hankla 2008). Pentadbir tempatan juga dapat meningkatkan kualiti pentadbiran mereka sekiranya mereka dapat mengenal pasti keperluan masyarakat setempat terhadap perkhidmatan sesuatu barang atau perkhidmatan kerana pentadbiran pusat tidak mampu mengenal pasti sasaran barangan awam tertentu kepada kawasan atau negeri yang berbeza. (Tiebout 1956; Oates 1972; Treisman 2007). Malah proses melalui pemencaran, pegawai di peringkat lokal lebih mengetahui sosio-ekonomi penduduk di kawasan mereka terutamanya aspek pendapatan dan pelbagai sumber ekonomi yang lain dan ini akan memudahkan sebarang tindakan susulan terhadap dasar membasmi kemiskinan (Alderman 2002). Ini disebabkan sosiobudaya yang berbeza antara negeri dan kawasan yang menyebabkan permintaan barangan adalah berbeza.

Oleh itu dalam aspek pengagihan zakat, amil tempatan lebih mudah mengenal pasti keperluan asnaf di kawasan masing-masing terutamanya keperluan oleh kumpulan fakir dan miskin dan berusaha meningkatkan tahap kehidupan mereka. Amil boleh mengetahui keperluan asnaf sekurang-kurangnya jumlah zakat yang diperlukan. Jumlah bantuan zakat untuk kawasan bandar adalah berbeza dengan luar bandar malahan di dalam bandar juga, kemungkinan bantuan zakat adalah tidak sama. Keperluan bantuan bulanan makanan juga tidak sama antara kawasan yang menyebabkan amil tempatanlah yang lebih arif berkenaan asnaf di kawasan masing-masing. Ini ditambah lagi dengan keperluan meningkatkan tahap ekonomi melalui keusahawanan yang telah dicadangkan oleh pusat zakat. Terdapat kemungkinan kegiatan ekonomi yang berbeza antara sesebuah kawasan dan kawasan yang lain yang memerlukan kepakaran amil menentukan aktiviti ekonomi setempat. Ini ditambah lagi amil perlu memantau secara dekat kejayaan asnaf yang telah menerima bantuan modal. Ini memerlukan konsep penyetempatan dilaksanakan dan dipraktikkan di kawasan masing-masing.

Sejarah telah menunjukkan, konsep penyetempatan telah dilaksanakan di Malaysia sebelum zaman kolonial lagi. Muhammad Aziz (1993) contohnya telah menjelaskan mengikut sejarahnya pengurusan zakat sebelum zaman kolonial umumnya zakat telah dikutip dan diagihkan di peringkat kampung. Beliau berpendapat, pemencaran pengurusan zakat adalah tidak bertentangan dengan syariat Islam malahan kaedah ini akan menjaga kepentingan golongan fakir dan miskin serta asnaf yang lain (Abdul Aziz 1993). Terdapat beberapa kajian lain yang mencadangkan institusi zakat perlu diadakan sehingga di peringkat kampung, di dalam kawasan masyarakat Islam

dan institusi masjid juga berperanan menjalankan tanggungjawab menguruskan zakat. Institusi masjid yang dicadangkan adalah masjid berstatus masjid *jami'* yang dapat menghimpunkan ramai masyarakat Islam pada satu-satu masa (Kahf 1995b; Zayas 2003). Jika kaedah penyetempatan dilaksanakan, siapakah yang bertanggungjawab mengutip atau mengagihkan zakat tersebut? Pihak yang paling berpotensi digunakan adalah amil tempatan, amil kariah atau JKK masjid. Sejarah juga telah menunjukkan pada zaman sebelum kolonial, para ustaz atau imam telah berperanan sebagai amil memandangkan masyarakat Islam amat menghormati dan mempercayai mereka dapat mengagihkan zakat secara adil (Abdul Wahab et al. 1995; dan Muhammad Aziz 1993). Di negara muslim yang lain seperti Pakistan dan Kuwait, sebuah jawatankuasa diketuai oleh pemimpin agama diyakini dapat mengagihkan zakat terutamanya golongan fakir dan miskin (Kahf 1995b; Ajeel 1995). Apabila masyarakat dapat menerima jawatankuasa ini atau kepercayaan kepada ustaz atau imam yang mengutip dan mengagihkan zakat, maka masyarakat Islam mungkin dapat bekerjasama secara aktif dalam sebarang kegiatan masyarakat terutamanya membantu masyarakat yang miskin dan membasmi kemiskinan di kampung mereka (Alatas et al. 2003). Oleh itu penerimaan masyarakat baik maka harapan untuk sesuatu kegiatan yang dicadangkan itu berjaya adalah tinggi. Lantaran itu, bagaimanakah respons pihak yang berkepentingan amat perlu diselidiki sebelum sesuatu perkara itu dilaksanakan bagi memastikan kejayaannya.

METODOLOGI KAJIAN

KUTIPAN DATA DAN PENSAMPELAN

Unit analisis kajian ini ialah amil iaitu melibatkan amil tetap dan amil sementara yang mengutip zakat fitrah khususnya di bulan Ramadan serta asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan kewangan dan makanan bulanan mewakili sampel penerima zakat. Asnaf ini dipilih kerana ia mewakili asnaf zakat yang terbesar iaitu hampir 50 peratus berbanding asnaf yang lain (Hairunnizam et al. 2010). Kajian ini tertumpu di negeri Selangor, Pulau Pinang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Melaka dan Terengganu. Perlu dijelaskan bahawa Negeri Selangor dan Pulau Pinang merupakan negeri yang telah mengkorporatkan kutipan dan pengagihan zakat manakala Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Melaka adalah negeri yang mengkorporatkan kutipan zakat tetapi pengagihan zakat masih lagi di bawah tanggungjawab baitulmal negeri manakala Terengganu adalah negeri yang tidak mengkorporatkan kutipan dan pengagihan zakat (Pusat Pungutan Zakat-MAWIP 2008). Perbezaan struktur pengurusan zakat antara negeri yang dikaji akan memberikan hasil keputusan kajian seimbang antara ketiga-tiga kategori pengurusan zakat.

MODEL

Gelagat kepatuhan berkaitan pembayaran cukai telah dibentuk berdasarkan kepada teori rasionalisme (Allingham & Sandmo 1972) yang kemudiannya dikembangkan oleh Tuzova (1972). Oleh kerana teori ini tidak sesuai sepenuhnya dengan kepatuhan pembayaran zakat maka gelagat kepatuhan cukai telah diubahsuai dengan mengambilkira dan menggabungkannya dengan teori kumpulan rujukan (*reference group theory*), teori pertukaran (*exchange theory*) dan teori penyumbang (*attribution theory*) bagi membentuk gelagat kepatuhan zakat (Zulkifli Daud 2011). Model kepatuhan yang dihasilkan adalah berbentuk regresi logistik dengan beberapa pemboleh ubah eksogen yang bersifat keislaman. Oleh kerana model ini berkenaan dengan zakat maka model ini juga boleh diaplikasikan untuk menilai kepatuhan terhadap penyetempatan pengagihan zakat. Untuk mengenal pasti faktor penentu pemboleh ubah penyetempatan, kajian ini akan membahagikan pemboleh ubah penyetempatan (merupakan pemboleh ubah bersandar) kepada dua model utama iaitu; (1) pemboleh ubah penyetempatan sebagai pemboleh ubah cerapan (*observed*) (2) pemboleh ubah penyetempatan sebagai pemboleh ubah pendam (*latent*). Ia bertujuan untuk membandingkan dan memilih manakah model yang terbaik menerangkan faktor penentu pemboleh ubah penyetempatan. Setiap model utama akan dibahagikan kepada dua model berdasarkan sampel kumpulan responden iaitu; (1) Model I melibatkan sampel responden amil (2) Model II melibatkan sampel responden penerima zakat.

PEMBOLEH UBAH PENYETEMPATAN SEBAGAI PEMBOLEH UBAH CERAPAN

Model ini akan menggunakan regresi multinomial logistik memandangkan pemboleh ubah penyetempatan yang berbentuk pemboleh ubah cerapan mempunyai tiga pilihan jawapan oleh responden iaitu (1) tidak bersetuju; (2) setuju; (3) sangat setuju. Oleh itu, bentuk umum fungsi Model I dan Model II bagi amil dan asnaf masing-masing adalah seperti berikut:

$$P_i = E(Y = 1/X) = 1 / (1 + e^{-Z_i}) \quad (1)$$

di mana:

P_i : adalah kebarangkalian bagi respons tidak bersetuju konsep penyetempatan;

$Y = 0$; sebagai rujukan kategori, berbanding respons setuju dan sangat setuju .

Z_i : adalah satu fungsi $f(X)$ dengan X sebagai faktor-faktor yang berkaitan.

Oleh itu berpandukan kepada persamaan (1), model regresi multinomial logistik akan digunakan berdasarkan tiga pilihan jawapan iaitu tidak setuju, setuju dan sangat setuju sebagai pemboleh ubah bersandar untuk mengukur

kebarangkalian amil dan penerima zakat bersetuju terhadap konsep penyetempatan iaitu:

$$L = \ln (P_i / (1-P_i)) = b_0 + b_1 X_1 + b_2 X_2 + b_3 X_3 \quad (2)$$

di mana:

- L adalah log bagi nisbah 'odds' bersetuju dan sangat bersetuju konsep penyetempatan
- X_1 adalah kelompok faktor 1
- X_2 adalah kelompok faktor 2
- X_3 adalah kelompok faktor 3

Tiga kelompok faktor telah dicadangkan berdasarkan pendekatan EFA melalui ujian *scree* yang akan dibincangkan di bahagian seterusnya.

PEMBOLEH UBAH PENYETEMPATAN SEBAGAI PEMBOLEH UBAH PENDAM

Ia akan dilakukan menggunakan pendekatan CFA melalui pembentukan dan pengujian model berdasarkan kajian Bryne (2001). Ia dilakukan dengan mengesahkan semua pemboleh ubah dalam tiga kelompok faktor berdasarkan EFA dan seterusnya melakukan CFA peringkat kedua untuk menentukan manakah kelompok faktor yang signifikan mempengaruhi pemboleh ubah penyetempatan.

Kajian ini menjangkakan kesemua kelompok pemboleh ubah bebas berhubungan secara positif dan signifikan terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu penyetempatan.

KAEDAH ANALISIS DATA

Data kajian dianalisis bermula dengan beberapa langkah. Setiap pemboleh ubah yang berbentuk konstruk diuji dengan analisis kepercayaan (*reliability*) yang merupakan kaedah mengukur konsistensi pemboleh ubah yang ingin diukur. Umumnya nilai koefisien alpha yang berada di antara 0.70 hingga 0.90 adalah dianggap mencukupi. Analisis faktor pula menggunakan analisis komponen prinsipal (*principle component analysis*) dengan putaran *varimax* untuk membentuk beberapa kumpulan faktor menggunakan perisian SPSS dan kemudiannya disahkan kumpulan faktor tersebut melalui kaedah CFA peringkat pertama dan kedua menggunakan perisian AMOS. Kaedah Structural Equation Modelling (SEM) tidak digunakan dalam kajian ini memandangkan kajian ini hanya menumpukan kepada peringkat analisis faktor sahaja. Ukuran *Kaiser-Meyer-Olkin* (KMO), *Bartlett Test of Sphericity* dan *measure of sampling adequacy* (MSA) digunakan untuk memastikan model faktor ini adalah sesuai atau tidak. Akhirnya setiap faktor yang mempunyai beban faktor yang kurang daripada 0.4 akan digugurkan (Hair, et al, 2006).

Berbagai indeks kebagusan penyuaian (*goodness of fit-GOF*) diguna bagi menilai padanan model dengan data. Antaranya, *chi-square* (χ^2); *root mean-square error of*

approximation (RMSEA) (Bollen 1986; Browne & Cudeck 1993; Hair et al. 2006; Hu & Bentler 1999), *tucker-lewis index* (TLI) dan *normed fit index* (NFI) (Hair et al., 2006; Hu & Bentler, 1999), dan *comparative fit index* CFI) dan *normed chi-square* (χ^2/df) (Hair et al., 2006). Bagi memantapkan kedudukan konstruk dalam kedua-dua teori tersebut, ujian kebolehpercayaan dan kesahan konstruk dilakukan. Kebolehpercayaan konstruk juga dilakukan berpandukan kebolehpercayaan komposit (Cornbach & Meehl 1955; Bonett 2002).

Kesahan konstruk pula melibatkan kesahan memusat berdasarkan nilai NFI. Nilai menghampiri 0.9 dan lebih menunjukkan skala kesahan menumpu yang baik (Bentler & Bonett 1980). Sementara itu, CFI yang bernilai menghampiri 0.9 dan lebih menunjukkan skala sedimensi yang baik (Bentler 1990). Nilai RFI haruslah menghampiri 1 untuk menunjukkan kebagusan penyuaian yang baik (Bollen 1986). TLI menunjukkan analisis struktur momen dan nilainya menghampiri 1 menunjukkan kebagusan penyuaian yang baik (Bentler & Bonett 1980). Kesemua indeks tersebut akan digunakan sebagai syarat utama bagi penerimaan kajian ini.

Perlu dinyatakan di sini ialah pendekatan EFA dan CFA berkemungkinan memberikan hasil keputusan yang berbeza. Kelebihan pendekatan EFA adalah mengambil pelbagai maklumat daripada komponen besar data yang saling berkaitan antara satu sama lain. Ia sebenarnya menstrukturkan semula pemboleh ubah cerapan kepada beberapa komponen faktor berdasarkan hubungan dalam korelasi matriks. Namun begitu kelemahan kaedah ini ialah ia hanya mempunyai sedikit kuasa mengawal pelbagai pemboleh ubah yang memerlukan satu model yang dapat mengesahkan kesemua pemboleh ubah yang diuji (Hair et al. 2006: 162). Namun begitu, pendekatan CFA mempunyai kelebihan yang tersendiri iaitu berupaya menyatukan pemboleh ubah pendam dalam sesuatu analisis terutamanya kajian ini yang menguji pemboleh ubah penyetempatan yang merupakan faktor pendam yang dapat digambarkan dan diwakili oleh pemboleh ubah cerapan dan diukur. CFA juga dapat meningkatkan tahap penganggaran statistik, menggambarkan konsep sesuatu teori, menentukan pengukuran ralat dan juga membezakan antara pemboleh ubah pendam bebas (*exogenous*) dan juga pemboleh ubah pendam bergantung (*endogenous*) (Hair et al 2006: 712)

HASIL KAJIAN

PROFIL RESPONDEN

Rangka pensampelan kajian terdiri pula daripada individu yang tersenarai di dalam senarai institusi zakat sama ada amil ataupun penerima zakat. Seramai 872 responden telah ditemu duga melibatkan seramai 540 amil dan 332 penerima zakat melibatkan beberapa negeri (lihat Jadual 1).

JADUAL 1. Responden Kajian

Negeri	Responden		Jumlah
	Amil	Penerima Zakat	
Selangor	112 (33.73)	69 (12.78)	181 (20.76)
Pulau Pinang	51 (15.36)	101 (18.70)	152 (17.43)
WP Kuala Lumpur	68 (20.48)	130 (24.07)	198 (22.71)
Melaka	35 (10.54)	113 (20.96)	148 (16.97)
Terengganu	66 (19.88)	127 (23.52)	193 (22.13)
Jumlah	332 (100.00)	540 (100.00)	872 (100.00)

Nota: Angka dalam kurungan adalah peratusan daripada jumlah keseluruhan Nota: () peratusan daripada jumlah keseluruhan
Ujian Pearson χ^2 adalah signifikan pada aras keertian 1%

JADUAL 2. Kategori Institusi Zakat

Kategori	Responden		Jumlah
	Amil	Penerima Zakat	
Korporat sepenuhnya ¹	163 (49.09)	170 (31.48)	333 (38.19)
Korporat sebahagiannya ²	103 (31.02)	243 (45.00)	346 (39.68)
Tidak korporat ³	66 (19.88)	127 (23.52)	193 (22.13)
Jumlah	332 (100.00)	540 (100.00)	872 (100.00)

Nota: Angka dalam kurungan adalah peratusan daripada jumlah keseluruhan Nota: () peratusan daripada jumlah keseluruhan

¹ Selangor & Pulau Pinang

² WP Kuala Lumpur & Melaka

³ Terengganu

Ujian Pearson χ^2 adalah signifikan pada aras keertian 1%

JADUAL 3. Tahap Persetujuan Cadangan Pelaksanaan Penyetempatan Mengikut Negeri

Negeri	Tidak Setuju	Setuju melaksanakan konsep penyetempatan			Peratusan
		Setuju	Sangat Setuju	Jumlah	
Selangor	-	112	69	181	20.73
Pulau Pinang	-	152	-	152	17.41
WP Kuala Lumpur	1	166	31	198	22.68
Melaka	3	122	26	151	17.29
Terengganu	57	120	14	191	21.87
Jumlah	61(6.98)	672(76.97)	140(16.03)	873(100.00)	100.00

Nota: () peratusan daripada jumlah keseluruhan

Ujian Pearson χ^2 adalah signifikan pada aras keertian 1%

Manakala dalam aspek kategori pengurusan zakat, hampir 38 peratus adalah terdiri daripada responden di negeri yang mengkorporatkan zakat sepenuhnya, 39 peratus terdiri daripada responden di negeri yang mengkorporatkan sebahagian pengurusan zakat manakala 22 peratus di negeri yang tidak mengkorporatkan pengurusan zakat.

Jadual 3 pula menunjukkan tahap persetujuan responden terhadap cadangan pelaksanaan konsep penyetempatan pengagihan zakat. Kajian mendapati 76.9 peratus responden sangat bersetuju konsep ini berbanding respons sangat setuju sebanyak 16 peratus. Manakala hampir 7 peratus responden tidak bersetuju dengan pelaksanaan konsep ini. Hasil kajian ini jelas menunjukkan majoriti responden sebenarnya bersetuju ia dilaksanakan berbanding hanya sedikit sahaja yang tidak bersetuju.

FAKTOR PENENTU PERSETUJUAN

Jadual 4 pula menunjukkan analisis EFA iaitu langkah menentukan kelompok faktor utama penentu terhadap pemboleh ubah penyetempatan. Namun sebelum itu, ia perlu dirujuk kepada keseluruhan padanan berdasarkan

kriteria *scree test* dan *latent root*. Ujian kesahan menunjukkan nilai keseluruhan alpha Cronbach bersamaan 0.956 menunjukkan ia skala kesahan yang baik. Kajian ini mendapati kriteria *Scree test* adalah 3 iaitu menunjukkan kesemua pemboleh ubah cerapan terbahagi kepada 3 faktor utama. Manakala kriteria *latent root* berdasarkan peratusan variasi keseluruhan menunjukkan 68.63 peratus dan pembahagian ketiga-tiga variasi untuk ketiga-tiga faktor adalah seimbang masing-masing ialah 22.33, 22.16 dan 21.71. Oleh itu ia adalah sesuai kesemua faktor sesuai untuk analisis seterusnya. Seterusnya perlu dilihat kepada nilai kecukupan pengukuran pensampelan (MSA), muatan faktor dan faktor komunaliti. Didapati kesemua faktor tersebut melebihi nilai tahap yang sesuai iaitu 0.5 (lihat Hair et al. 2006 hlm. 144-162).

Berdasarkan Jadual 4, sebanyak 3 kelompok faktor telah dibentuk berdasarkan EFA. Ketiga-tiga kelompok faktor tersebut ialah perhubungan dan politik, asnaf mudah dikenal pasti dan ketelusan, dan akhirnya kepercayaan kepada sistem dan institusi. Kesemua kelompok faktor pula didapati mempunyai korelasi yang tinggi antara satu sama lain menunjukkan kriteria hubungan kesahan kelompok faktor wujud antara kesemua faktor (lihat Jadual 5).

JADUAL 4. Pendekatan EFA untuk Konstruk Pemboleh Ubah Penyetempatan

Kelompok Pemboleh ubah ¹	Item ³	MSA ²	Faktor muatan			Komunaliti
			1	2	3	
Perhubungan & Politik (6 item)						
Pemantauan kerap	X ₆	.934	.539			.655
Segera selesaikan masalah	X ₁₀	.960	.685			.733
Mengenal pasti potensi ekonomi	X ₁₄	.948	.689			.678
Pengagihan cepat	X ₁₅	.960	.641			.661
Proses birokrasi dikurangkan	X ₁₈	.938	.737			.746
Tiada kecenderungan politik	X ₁₉	.941	.618			.596
Mudah kenal pasti & ketelusan (6 item)						
Hubungan rapat	X ₂	.971		.543		.615
Mudah dihubungi	X ₅	.941		.738		.710
Memahami masalah asnaf	X ₈	.947		.580		.582
Menggalakkan penyertaan masyarakat	X ₉	.931		.676		.670
Kos permohonan yang rendah	X ₁₃	.936		.761		.683
Pengagihan yang telus	X ₁₇	.942		.543		.568
Kepercayaan kepada sistem dan institusi (6 item)						
Lebih dipercayai	X ₃	.961			.634	.640
Mengenal pasti potensi asnaf	X ₇	.929			.575	.678
Pengagihan yang cekap	X ₁₁	.924			.715	.738
Menggalakkan ekonomi setempat	X ₁₂	.922			.784	.727
Amil di kalangan penduduk tempatan	X ₁₆	.931			.731	.780
Meningkatkan imej institusi	X ₂₀	.958			.622	.547
Hasil tambah Kuasa Dua (<i>eigenvalue</i>)			4.020	3.989	3.908	Jumlah
Peratusan varians			22.33	22.16	21.71	66.20

Nota: Kaedah Penyarian (*extraction*): Analisis Komponen Utama. Kaedah Putaran: Varimax dengan Normalisasi

Kaiser. Putaran bertumpu pada 11 lelaran

Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy = 0.944

Bartlett's Test of Sphericity : signifikan pada aras keertian 1%

¹variabel X₁ telah digugurkan disebabkan nilai pemberatan faktor yang rendah

²(MSA) mengukur kecukupan pensampelan. Nilai = 0.50 dan lebih adalah dalam julat yang diterima.

³Cronbach Alpha (α) keseluruhan= 0.933; nilai= 0.70 dan lebih menjelaskan keutuhan skala

JADUAL 5. Korelasi^a antara Kelompok Faktor

No Kelompok	Perhubungan & politik	Mudah kenal pasti & ketelusan	Kepercayaan	Persetujuan penyetempatan
1. Perhubungan & politik	1			
2. Mudah kenal pasti & ketelusan	.796***	1		
3. Kepercayaan	.669***	.687***	1	
4. Persetujuan penyetempatan	.074**	.059*	.094***	1

Nota: ^a Korelasi Spearman rho

*** Signifikan pada aras keertian 1%

** Signifikan pada aras keertian 5%

* Signifikan pada aras keertian 10%

Jadual 6 menunjukkan hasil regresi ketiga-tiga kelompok faktor terhadap pemboleh ubah penyetempatan. Ia bertujuan untuk melihat kelompok faktor manakah yang paling berpengaruh dan signifikan mempengaruhi pemboleh ubah penyetempatan. Secara keseluruhannya kebagusuaian padanan model ini agak baik berdasarkan nilai χ^2 yang signifikan pada aras keertian 1 peratus. Namun begitu kajian mendapati terdapat beberapa

pemboleh ubah sahaja yang signifikan yang hanya melibatkan model II sahaja iaitu faktor perhubungan dan politik serta kepercayaan terhadap sistem dan institusi. Tiada satu pun pemboleh ubah yang signifikan mempengaruhi pemboleh ubah penyetempatan dalam model I (amil). Malah terdapat pemboleh ubah bebas yang signifikan tetapi berhubungan negatif kepada pemboleh ubah penyetempatan yang sepatutnya

JADUAL 6. Hasil Regresi¹ Menggunakan Model 1

Pemboleh ubah	Model I (Amil)		Model II (penerima zakat)	
	Setuju	Sangat Setuju	Setuju	Sangat Setuju
Konstan	2.144** (.202)	.295 (.249)	2.818* (.227)	1.282** (.250)
Perhubungan & politik	-.120 (.181)	-.171 (.233)	-.473** (.236)	.131 (.258)
Mudah kenal pasti & ketelusan	.103 (.183)	.178 (.231)	-.282 (.190)	-.057 (.204)
Kepercayaan	.163 (.170)	.095 (.218)	.634** (.210)	.239 (.225)
Pearson Goodness of fit (χ^2)	545.41**		684.53**	
Pseudo R ²				
Cox & Snell	.007		.083	
Nagelkerke	.009		.111	

Nota: () ralat piawai

¹ regresi multinomial logistik. Rujukan kategori ialah tidak setuju

** Signifikan pada aras keertian 1%

* Signifikan pada aras keertian 5%

berhubungan secara positif (model II - penerima zakat). Hasil keputusan ini menyukarkan kajian untuk menentukan kelompok faktor manakah yang perlu diberi penekanan oleh pihak pembuat dasar terutamanya pihak institusi zakat.

Kajian ini berpendapat kemungkinan ini berlaku disebabkan oleh penggunaan pemboleh ubah penyetempatan sebagai pemboleh ubah cerapan adalah kurang sesuai memandangkan pemboleh ubah ini adalah lebih berbentuk nominal dan bukan berbentuk numerik. Tambahan lagi penggunaan pendekatan EFA semata-mata hanya membenarkan penyelidik mempunyai sedikit kawalan terhadap struktur tertentu seperti jumlah faktor, nilai muatan faktor dan sebagainya. Oleh itu kajian ini mencadangkan suatu pendekatan alternatif yang mungkin sesuai dilakukan untuk mengesahkan kumpulan faktor dan bilangan faktor yang digunakan (Hair et al. 2006: 162). Oleh itu Hair et al. (2006) telah mencadangkan datu pendekatan semasa yang lebih baik bagi mengesahkan pengujian setiap faktor iaitu menggunakan pendekatan CFA.

Jadual 7 menunjukkan hasil CFA dan perbezaan yang jelas berbeza dengan EFA adalah jumlah faktor bagi setiap kelompok faktor telah berkurangan kepada 3 faktor bagi setiap kelompok. Namun dalam teknik CFA, kebagusuaian padanan sesuatu model adalah amat penting untuk dilihat sebelum meneruskan analisis sesuatu faktor. Kajian mendapati kebagusuaian padanan model adalah baik merujuk kepada beberapa indeks seperti nilai $\chi^2 = 265.9$; $p=0.000$; $\chi^2/df = 5.54$; CFI = 0.946; RFI = 0.903; NFI = 0.935; TLI = 0.919; RMSEA = 0.072. Perlu dinyatakan bahawa kesemua nilai ini adalah untuk kedua-dua model menggunakan CFA peringkat pertama. Model ini telah berjaya menentukan nilai setiap pemboleh ubah cerapan terhadap pemboleh ubah pendam. Berdasarkan Jadual 7, pemboleh ubah pendam ialah perhubungan dan

politik; mudah dikenali dan ketelusan; dan akhirnya kepercayaan.

Namun begitu untuk menentukan manakah antara ketiga-tiga faktor yang sangat berpengaruh dan signifikan mempengaruhi pemboleh ubah penyetempatan, pendekatan CFA peringkat kedua perlu dilakukan. Ia menghubungkan pertalian antara ketiga-tiga pemboleh ubah pendam tersebut kepada pemboleh ubah penyetempatan yang juga merupakan pemboleh ubah pendam. Ia adalah selaras dengan cadangan (Bryne 2001) yang mengesyorkan kaedah ini dijalankan untuk menentukan faktor manakah yang paling signifikan. Jadual 7 menunjukkan hasil regresi CFA peringkat kedua. Didapati kedua-dua model iaitu kumpulan amil dan penerima zakat, kesemua indeks kebagusuaian padanan model menunjukkan tahap kesesuaian yang baik dan amat sesuai untuk dilakukan analisis berikutnya. Untuk model I, nilai $\chi^2 = 316.05$; $p=0.000$; $\chi^2/df = 5.96$; CFI = 0.935; RFI = 0.895; NFI = 0.923; TLI = 0.911; RMSEA = 0.076. Manakala untuk model II, nilai $\chi^2 = 303.46$; $p=0.000$; $\chi^2/df = 5.72$; CFI = 0.938; RFI = 0.899; NFI = 0.926; TLI = 0.915; RMSEA = 0.074.

Hasil regresi di Jadual 8 menunjukkan kesemua pemboleh ubah bebas dalam Model I dan Model II, adalah mempengaruhi secara signifikan dan berhubungan secara positif terhadap pemboleh ubah penyetempatan pada aras keertian 1 peratus dan hasil kajian ini menyokong hipotesis yang telah dinyatakan sebelum ini. Dalam Model I melibatkan persepsi amil, hasil kajian jelas menunjukkan nilai koefisien pemboleh ubah kepercayaan kepada sistem dan institusi mempunyai nilai yang tertinggi iaitu 0.954 diikuti perhubungan dan politik (0.948) dan seterusnya mudah kenal pasti & ketelusan (0.927). Manakala untuk Model II melibatkan persepsi penerima zakat, nilai koefisien yang tertinggi adalah pemboleh ubah perhubungan dan politik iaitu sebanyak 0.952, diikuti pemboleh ubah kepercayaan terhadap sistem dan institusi (0.935) dan

JADUAL 7. CFA Peringkat Pertama Terhadap Pemboleh Ubah Penyetempatan

Kelompok Pemboleh ubah	Item	Faktor muatan (Amil)			Faktor muatan (penerima zakat)		
		1	2	3	1	2	3
Perhubungan & Politik (3 item)							
	Pemantauan kerap	X ₆	.825		.809		
	Segera selesaikan masalah	X ₁₀	.851		.802		
	Pengagihan cepat	X ₁₅	.728		.718		
Mudah kenal pasti & ketelusan (3 item)							
	Memahami masalah asnaf	X ₈	.758		.694		
	Kos permohonan yang rendah	X ₁₃	.849		.645		
	Pengagihan yang telus	X ₁₇	.738		.764		
Kepercayaan (3 item)							
	Lebih dipercayai	X ₃		.809		.762	
	Mengenal pasti potensi asnaf	X ₇		.837		.685	
	Meningkatkan imej institusi	X ₂₀		.575		.701	
χ^2 (df=48)							
	Comparative fit index (CFI) ^a	265.9*					
	Bollen Relative fit index (RFI) ^b	.946					
	Bentler Bonett coefficient (NFI) ^c	.903					
	Tucker-Lewis coefficient (TLI) ^d	.935					
	Root Mean Square Error of approximation (RMSEA) ^e	.072					

Nota: ^a nilai CFI= 0.90 dan lebih menunjukkan skala sedimensi yang baik
^b nilai RFI menghampiri 1 menunjukkan kebagusan penyuaian yang baik
^c nilai NFI = 0.90 dan lebih menunjukkan skala kesahan menumpu yang baik
^d TLI analisis struktur momen. Nilai menghampiri 1 menunjukkan kebagusan penyuaian yang baik.
^e nilai menghampiri 0.08 atau kurang untuk RMSEA menunjukkan kesesuaian penganggaran ralat
* p=.000; $\chi^2/df = 5.54$; signifikan pada aras keertian 1%

JADUAL 8. CFA Peringkat Kedua Terhadap Pemboleh Ubah Penyetempatan (Model 2)

Pemboleh ubah ¹	Model I (Amil)	Model II (Penerima zakat)
Perhubungan & Politik	.948* (.036)	.952* (.028)
Mudah kenal pasti & ketelusan	.927* (.034)	.925* (.027)
Kepercayaan	.954* (.036)	.935* (.028)
χ^2 (df=53)-CMIN		
	316.05 ^f	303.46 ^g
	Comparative fit index (CFI) ^a	.935
	Bollen Relative fit index (RFI) ^b	.895
	Bentler Bonett coefficient (NFI) ^c	.923
	Tucker-Lewis coefficient (TLI) ^d	.911
	Root Mean Square Error of approximation (RMSEA) ^e	.076

Nota: ¹ Kesemua pemboleh ubah ini termasuklah pemboleh ubah bebas dan bersandar (penyetempatan) adalah pemboleh ubah pendam
^a nilai CFI= 0.90 dan lebih menunjukkan skala sedimensi yang baik
^b nilai RFI menghampiri 1 menunjukkan kebagusan penyuaian yang baik
^c nilai NFI = 0.90 dan lebih menunjukkan skala kesahan menumpu yang baik
^d TLI analisis struktur momen. Nilai menghampiri 1 menunjukkan kebagusan penyuaian yang baik.
^e nilai menghampiri 0.08 atau kurang untuk RMSEA menunjukkan kesesuaian penganggaran ralat
^f CMIN/DF; p=.000; $\chi^2/df = 5.96$; signifikan pada aras keertian 1%
^g CMIN/DF; p=.000; $\chi^2/df = 5.72$; signifikan pada aras keertian 1%
* signifikan pada aras keertian 1%

akhirnya pemboleh ubah mudah kenal pasti dan ketelusan (0.925). Ini menunjukkan terdapat perbezaan antara persepsi amil dan penerima zakat dalam menentukan pemboleh ubah manakah yang sangat penting mempengaruhi persetujuan pelaksanaan konsep penyetempatan. Daripada perspektif amil, faktor kepercayaan terhadap sistem dan institusi zakat adalah faktor yang paling penting dan kuat berbanding faktor lain mempengaruhi persetujuan mereka melaksanakan konsep penyetempatan. Manakala faktor perhubungan dan politik amat penting daripada persepsi penerima zakat untuk diberi perhatian sewajarnya oleh pihak pengurusan zakat berbanding faktor yang lain.

PERBINCANGAN DAN IMPLIKASI DASAR

Hasil kajian menunjukkan melalui EFA, terdapat tiga faktor penentu penerimaan cadangan konsep penyetempatan iaitu perhubungan dan politik, mudah kenal pasti dan ketelusan dan akhirnya kepercayaan terhadap sistem dan institusi zakat. Hasil keputusan daripada Model 1 adalah kurang baik berbanding Model 2 untuk menentukan apakah faktor yang paling berpengaruh dan signifikan mempengaruhi penyetempatan. Ini berkemungkinan disebabkan dalam Model 1, pemboleh ubah penyetempatan dianggap sebagai pemboleh ubah cerapan untuk menguji hubungan antara kesemua pemboleh ubah dan kelemahan menentukan bilangan faktor yang penting melalui EFA. Namun menggunakan Model 2 melalui pendekatan CFA dalam kajian ini memberikan ruang kemungkinan jawapan yang berbeza berbanding Model 1. Hasil kajian daripada Model 2 menunjukkan kesemua faktor secara signifikan mempengaruhi penyetempatan bagi kumpulan sampel amil dan penerima bantuan zakat. Pendekatan CFA adalah lebih baik dan mempunyai kebarangkalian lebih diterima kerana ia menggabungkan pemboleh ubah cerapan dan pemboleh ubah pendam melalui pendekatan CFA peringkat pertama. Manakala pada CFA peringkat kedua pula, ia menggabungkan pemboleh ubah pendam bebas iaitu ketiga-tiga kelompok faktor (hasil pengujian daripada EFA) dan juga pemboleh ubah pendam bergantung iaitu penyetempatan. Ini berkemungkinan akan menghasilkan jawapan yang lebih baik berbanding pendekatan EFA semata-mata (lihat Bentler 1990)

Kajian menunjukkan amil dan penerima zakat bersetuju terhadap cadangan pelaksanaan konsep penyetempatan pengagihan zakat. Hasil kajian menunjukkan kesemua kelompok faktor yang diuji adalah signifikan mempengaruhi penerimaan konsep penyetempatan. Kajian ini mendapati menurut perspektif amil, faktor kepercayaan terhadap sistem dan institusi zakat adalah faktor yang secara relatifnya sangat penting berbanding faktor lain. Ini disebabkan mereka terlibat secara langsung bertugas sebagai pengutip zakat di kampung dan lokaliti tertentu dan sudah pastilah banyak rungutan dan ketidakpuashatian pengagihan zakat

kedengaran di kalangan penerima dan pembayar zakat. Fakta ini amat penting untuk pihak institusi zakat mengatasi masalah ketidakpercayaan dan ketidakpercayaan pembayar zakat terhadap institusi ini yang mengakibatkan wujudnya pembayaran zakat secara tidak formal seperti dinyatakan dalam kajian terdahulu (Aidit 1998; Muhammad Syukri 2006; Sanep et al. 2006 dan Hairunnizam et al. 2009). Ini menunjukkan persepsi amil yang amat mengharapkan institusi zakat perlu meningkatkan imej dan keyakinan serta kepercayaan masyarakat Islam terhadap institusi dan ia mungkin dapat dilaksanakan dengan pelaksanaan penyetempatan dalam pengagihan zakat.

Namun kajian ini mendapati menurut perspektif penerima zakat, faktor perhubungan dan politik adalah faktor yang secara relatifnya sangat penting berbanding faktor yang lain. Ini kemungkinan disebabkan oleh beberapa pengalaman mereka ketika berurusan memohon dan menerima zakat termasuklah kesukaran bertemu amil di peringkat negeri, kesukaran mengambil borang, proses birokrasi, masalah geografi yang menjarakkan antara asnaf dan institusi dan sebagainya (lihat Muhammad Syukri 2006). Fakta ini amat penting untuk pihak institusi zakat mengatasi masalah yang sering dihadapi oleh penerima zakat terutamanya dalam menyahkuasakan pengagihan zakat di peringkat mukim memandangkan amil di peringkat mukim secara geografinya lebih dekat dengan asnaf, lebih mengenali dan mudah bersosial dengan penerima zakat. Ini akhirnya akan menambah baik kualiti pengagihan zakat ke arah pengagihan zakat yang lebih cekap dan efisien.

KESIMPULAN

Cadangan konsep penyetempatan zakat oleh Muhammad Syukri (2006) adalah suatu cadangan yang teoretis dan sebarang pelaksanaannya adalah bergantung pada hal perundangan, teknikal, persekitaran dan sub-budaya sesuatu negeri dan mukim tertentu. Walau bagaimanapun kajian ini telah berjaya mendapatkan satu respons yang positif terhadap cadangan pelaksanaan konsep ini. Walaupun kajian ini merupakan satu gambaran umum penerimaan amil dan penerima zakat terhadap konsep ini, namun pihak institusi perlu memberikan perhatian kepada ketiga-tiga aspek utama dalam proses mepenyetempatan pengagihan zakat iaitu perhubungan dan politik, asnaf mudah dikenal pasti dan ketelusan dan akhirnya kepercayaan kepada sistem dan institusi. Mekanisme pelaksanaannya pula perlulah diperhalusi dan dibincangkan secara ilmiah. Kumpulan amil adalah penting dalam kajian ini memandangkan merekalah yang akan melaksanakan konsep ini jika langkah ini dilaksanakan. Persetujuan amil menggambarkan mereka amat prihatin dan bersungguh-sungguh ingin meningkatkan tahap kualiti pengurusan institusi zakat. Manakala penerima zakat pula terutamanya

golongan fakir dan miskin bersetuju kerana mahu mendapatkan perkhidmatan bantuan zakat yang berkualiti dan mereka inginkan perhatian dan pemantauan amil secara dekat dan berterusan. Kejayaan pelaksanaan konsep ini akan meningkatkan keyakinan pembayar zakat dan akhirnya akan memperkasakan peranan institusi zakat setanding malah melebihi peranan yang dimainkan oleh institusi percukaian di Malaysia. Ini akan meningkatkan imej Islam di kaca mata masyarakat Islam dan bukan Islam di Malaysia dan juga di dunia.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Muhammad. 1993. *Zakat and Rural Development in Malaysia*. Kuala Lumpur: Berita Publishing.
- Abdul-Wahab, M., Syed Abdul Hamid, Mohd Azmi O, Aidit G, Jamil O. & Muhammad Arif. 1995. Malaysia: A Case study of Zakat Management. Dlm. *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*, disunting oleh el-Ashker and Sirajul Haq, 297-378. Jeddah: IRTI/ IDB.
- Aidit Ghazali. 1989. Fenomenon pembayaran zakat melalui saluran tidak rasmi: satu analisis empirik. Dlm. *Zakat Ditinjau dari Perspektif Sosial, Undang-undang dan Taksiran*, disunting oleh Mohd Ali Baharum. Kuala Lumpur: Dunia Press Sdn. Bhd.
- Ajeel, Abd Al Qader Dahi. 1995. Kuwait. Dlm. *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*, disunting oleh el-Ashker and Sirajul Haq, 259-295. Jeddah: IRTI/IDB.
- Ajwad, M. I. & Wodon, Q. 2007. Do local governments maximize access rates to public services across areas? A test based on marginal benefit incidence analysis. *The Quarterly Review of Economics and Finance* 47: 242-260
- Alatas, V., Pritchett, L. & Wetterberg, A. 2003. Voice lessons: Local government organizations, social organizations, and the quality of local governance. Policy Research Working Paper 2981. The World Bank. 2003.
- Alderman, H. 2002. Do local officials know something we don't? Decentralization of targeted transfers in Albania. *Journal of Public Economics* 83: 375-404.
- Allingham, M. G. & Sandmo, A. 1972. Income tax evasion: a theoretical analysis. *Journal of Public Economics* 1: 323-328.
- Anuar Muhamad. 2008. Perception of academicians toward zakat administration particularly zakat distribution: The case of Selangor and Kelantan. IIUM. Tidak diterbitkan.
- Anderson, J. & Gerbing, D. 1988. Structural equation modeling in practice: A review and recommended two-step approach. *Psychological Bulletin* 103(3): 411-423.
- Bentler, P. M. & Bonett, D. G. 1980. Significance tests and goodness of fit in the analysis of covariance structures. *Psychological Bulletin* 88: 588-606.
- Bentler, P. M. 1990. Comparative fit indexes in structural models. *Psychological Bulletin* 107(2): 238-246.
- Bollen, K. A. 1986. Sample size and Bentler and Bonett's nonnormed fit index. *Psychometrika* 51: 375-377.
- Bonett, D. G. 2002. Sample size requirements for testing and estimating coefficient alpha. *Journal of Educational and Behavioral Statistics* 27(4): 335-340.
- Breton, A. 2002. An introduction to decentralization failure. Dlm. *Managing Fiscal Decentralization*, disunting oleh Ehtisham Ahmad & Vito Tanzi. New York: Routledge.
- Browne, M. W. & Cudeck, R. 1993. Alternative ways of assessing model fit. Dlm. *Testing Structural Equation Models*, disunting oleh K. A. Bollen & J. S. Long, 136-162. Newbury Park, CA: Sage.
- Bryne, B. M. 2001. *Structural Equation Modeling with AMOS: Basic Concepts, Applications and Programming*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Chapra, M. U. 1992. *Islam and the Economic Challenge*. Leicester, U.K.: The Islamic Foundation
- Chapra, M. U. 2000. *The Future of Economics: An Islamic Perspective*. Leicester, U.K: The Islamic Foundation.
- Cronbach, L. J. & Meehl, P. E. 1955. Construct validity in psychological tests. *Psychological Bulletin* 52: 281-302.
- Crook, R. & Manor, J. 2000. Democratic decentralization. *OECD Working Paper Series* No. 11. Summer 2000. Washington, D.C.: The World Bank.
- Faguet, J. P. 2004. Does decentralization increase government responsiveness to local needs? Evidence from Bolivia. *Journal of Public Economics* 88: 867-893.
- Faguet, J. P. 2000. Decentralization and local government performance: Improving public services provision in Bolivia. *Revista de Economia del Rosario* 3(1).
- Fornell, C. & Larcker, D. 1981. Evaluating structural equation models with unobserved variable and measurement error. *Journal of Marketing Research* 18: 39-50.
- Gurgur, T. & Shah, A. 2002. Localization and corruption: Pandora's box? In *Managing Fiscal Decentralization*, disunting oleh Ehtisham Ahmad, & Vito Tanzi. New York: Routledge.
- Hair, F. J., Black, W. C., Babin, B. J., Anderson, R. E. & Tatham, R. L. 2006. *Multivariate Data Analysis*. Edisi ke-6. United States of America: Prentice Hall.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. 2004. Kesan bantuan zakat terhadap kualiti hidup asnaf fakir dan miskin. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 1(1): 151-166.
- Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Nor & Sanep Ahmad. 2005. Kesedaran membayar zakat: Apakah faktor penentunya? *International Journal of Management Studies* 12(2): 171-189.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Mohd Ali Mohd Nor. 2007. Kesedaran membayar zakat pendapatan di Malaysia. *Islamiyyat*. 29: 53-70.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2009. Pengagihan zakat oleh institusi zakat di Malaysia: Mengapakah masyarakat islam tidak berpuashati? *Jurnal Syariah* 17(1): 89-112.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad & Radiah Abdul Kader. 2010. Pengagihan Zakat oleh institusi zakat kepada lapan asnaf: Kajian di Malaysia. *Jurnal Pengurusan JAWHAR* 4(1): 141-170.
- Hankla, C. R. 2008. When is fiscal decentralization good for governance? *Publius: The Journal of Federalism*: 1-19.
- Henandez-Trillo, F. & Jarillo-Rabling, B. 2008. Is local beautiful? Fiscal decentralization in Mexico. *World Development* 36(9): 1547-1558.
- Hu, L., & Bentler, P. M. 1999. Cut off criteria for fit indexes in covariance structure analysis: Conventional criteria versus new alternatives. *Structural Equation Modeling* 6(1): 1-55.
- Kahf, M. 1995a. Zakat: Unsolved issues in contemporary fiqh. Dlm. *Development and finance in Islam*, disunting oleh Sadeq et al. Kuala Lumpur: Zafar Press Pte. Ltd.

- Kahf, M. 1995b. Applied institutional models for zakat collection and distribution in Islamic countries and communities. Dlm. *Institutional Framework of Zakat: Dimensions and Implications*, disunting oleh el-Ashker & Sirajul Haq, 197-228. Jeddah: IRTI/IDB.
- Kahf, M. 1999. The performance of the institution of zakat in theory and practice. International conference on Islamic economics towards the 21st Century, Kuala Lumpur, April 26-30, 1999.
- Larson, A. M. 2002. Natural resources and decentralization in Nicaragua: Are local governments up to the job? *World Development* 30(1): 17-31.
- Mannan, M. A. 1986. *Islamic economics: Theory and Practice*. Cambridge: Hodder and Stroughton.
- Mohd Ali Mohd Noor, Hairunnizam Wahid & Nor Ghani Md Nor. 2004. Kesedaran membayar zakat pendapatan di kalangan kakitangan profesional Universiti Kebangsaan Malaysia. *Islamiyyat* 26(2): 59-68.
- Mohamed Dahan Abdul Latif. 1998. Zakat management and administration in Malaysia. Kertas kerja dibentangkan di Seminar of zakat and Taxation di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.
- Muhammad Syukri Salleh. 2006. Penyetempatan pengagihan zakat: Satu cadangan teoritis. Dlm. *Zakat: Pensiyyatan, Perekonomian & Perundangan*, disunting oleh Hailani & Abdul Ghafar. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mujaini Tarimin. 2005. *Zakat Menuju Pengurusan Profesional*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Nik Mustapha Nik Hassan. 1991. Zakat in Malaysia: present and future status. Dlm. *Development and Finance in Islam*, disunting oleh Sadeq et al. Kuala Lumpur: Zafar Press Pte. Ltd.
- Oates, W. 1972. *Fiscal Federalism*. New York: Harcourt, Brace and Jovanovich.
- Pusat Pungutan Zakat-MAWIP. 2008. *Laporan Zakat 2008*. Kuala Lumpur: Pusat Pungutan Zakat-MAWIP.
- Qardawi, Y. 1996. *Hukum zakat-studi komparatif mengenai status dan filasafat zakat berdasarkan Quran dan hadis*. Terj. Salman Harun et al. Indonesia: Penerbit Litera Antara Nusa.
- Qardawi, Y. 1999. *Fiqh Az-Zakat: A Comparative Study*. London: Dar Al Taqwa Ltd.
- Sadeq, A. H. M. 1988. Islamic perspective on Monetary and fiscal policies and their Implications on Economic Development. *Analisis* 3(1&2): 123-140.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2005a. Persepsi Agihan Zakat dan kesannya terhadap pembayaran Zakat melalui institusi formal. *Jurnal Ekonomi Malaysia* 39: 53-69.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2005b Persepsi dan faktor penentu kesedaran terhadap perluasan sumber zakat harta yang diikhtilaf. *Islamiyyat* 27(1):45-65.
- Sanep Ahmad & Hairunnizam Wahid. 2005c. Kesediaan berkongsi kekayaan dan kebahagiaan: kajian kes bayaran zakat bagi harta yang diikhtilaf. Dlm. *Prosiding persidangan kebangsaan ke-2 Pusat Pengajian Sosial, pembangunan dan persekitaran*, disunting oleh Abd Hair Awang et al., 373-383. Kajang: Pusat Fotokopi Kajang.
- Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad. 2006. Pensiwaan institusi zakat dan kesannya terhadap pembayaran secara formal di Malaysia. *International Journal of Management Studies* 13(2): 175-196.
- Schneider, A. 2003. Who gets what from whom? The impact of decentralization on tax capacity and pro-poor policy. *IDS Working Paper 179*, Institute of Development Studies, France.
- Shah, A. & Thompson, T. 2004. Implementing decentralized local governance: A treacherous road with potholes, detours and road closures. World Bank Policy Research Working Paper 3353, June 2004.
- Sirageldin, I. 2000. Elimination of poverty: Challenges and Islamic strategies. *Islamic Economic Studies* 8 (1): 1-16.
- Tiebout. 1956. A pure theory of local expenditure. *Journal of Political Economy* 64: 416-424.
- Treisman. 2007. Political decentralization and economic reform: A game theoretical analysis. *American Journal of Political Science* 43(2): 488-517.
- Tugrul, G. & Shah, A. 2002. Localization and corruption: Panacea or Pandora's box? Dlm. *Managing Fiscal Decentralization*, disunting oleh Ehtisham Ahmad and Vito Tanzi. New York: Routledge.
- Tuzova, Y. 2009. *A model of tax evasion with heterogeneous firms*. University of Minnesota.
- Williamson, O.E. 2000. The new institutional economics: Taking stock, looking ahead. *Journal of Economic Literature* 38(3): 595-613
- Zainal Abidin. 2001. Cara pengagihan Dana Zakat: Pengalaman Wilayah persekutuan. Dlm. *Kaedah Pengagihan Dana Zakat Satu Perspektif Islam*, disunting oleh Nik Mustapha Nik Hassan. Kuala Lumpur: IKIM.
- Zayas, F. G. 2003. *The Law and Institution of Zakat*. Terj. Kuala Lumpur: The Other Press.
- Zulkifli Daud. 2011. *Gelagat kepatuhan pembayaran zakat pendapatan melalui baitulmal di Aceh*. Thesis PhD., Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hairunnizam Wahid
Sanep Ahmad
Pusat Pengajian Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi Selangor

Radiah Abdul Kader
Jabatan Ekonomi
Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

Minimizing Waste and Encouraging Green Practices <i>Siohong Tih & Zuraidah Zainol</i>	157 – 164
Comparison of Information and Communication Technology Contribution on Newly Industrialized Countries Economic Growth <i>Maryam Farhadi & Rahmah Ismail</i>	165 – 171

Nota Penyelidikan/Research Note

The Role of Japanese Automakers in Asean <i>Hanny Zurina Hamzah</i>	173 – 180
---	-----------

ISSN 0126-1962



9 770126 196000

Diterbitkan dan dicetak di Malaysia oleh/*Published and printed in Malaysia by*
PENERBIT UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
<http://www.ukm.my/penerbit>